

04 AUG 2003

Malik-Ibu

IBU MALIK BERSYUKUR DAN GEMBIRA ANAKNYA BERJAYA TAKLUKI SELAT INGGERIS

BUTTERWORTH, 4 Ogos (Bernama) -- Ibu perenang maraton Abdul Malik Mydin, Jorabi Seeni Mohamed hari ini bersyukur dan gembira kerana anaknya berjaya menamatkan cabaran Selat Inggeris dengan selamat.

"Makcik sentiasa yakin dengan kesungguhan Malik kerana kegigihannya berlatih dan kejayaan beliau adalah kemenangan bagi semua rakyat Malaysia yang sentiasa mendoakannya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Bagan Lebai Tahir dekat sini.

Jorabi dan anak perempuannya Siti Khatijah mendapat berita gembira kejayaan Malik itu menerusi program Malaysia Hari Ini terbitan TV3 pada kira-kira pukul 8.30 pagi.

Abdul Malik Mydin mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia yang pertama berjaya berenang merentasi Selat Inggeris.

Beliau menamatkan renangan selama 18 jam di Pantai Wissant, Calais di Perancis pada pukul 7.50 malam waktu tempatan (3.50 pagi waktu Malaysia).

Abdul Malik memulakan renangan sejauh 32.8km dari Pantai Abbots Cliff di Dover, England pada 2.08 pagi waktu tempatan (9.08 waktu Malaysia) semalam selepas tertangguh sejak 23 Julai kerana cuaca buruk. .

Jorabi berkata Malik kerap menghubunginya semasa berada di Dover, London dan sempat menelefonnya pukul 8 malam tadi (1 pagi waktu di England) sebelum beliau memulakan renangannya.

"Makcik sempat memberi kata-kata perangsang kepada Malik dan mengiringinya dengan doa kerana yakin beliau akan berjaya mencapai impiannya dengan kegigihan yang ditunjukkannya," katanya.

Jorabi juga berterima kasih kepada semua pihak terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi dorongan kepada Malik dalam cabaran merentasi Selat Inggeris.

Beliau berharap lebih ramai anak muda akan mencontohi semangat juang Malik bagi menempa kejayaan cemerlang dalam apa jua bidang untuk mengharumkan nama Malaysia

-- BERNAMA

NH AZH